

Faktor kaum bukan syarat panggil temu duga – Abdullah

Um - 12/4/2007.

Oleh FAUZI JAAFAR
dan S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 11 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tidak pernah menggunakan faktor kaum dalam proses penapisan permohonan untuk dipanggil temu duga bagi berkhidmat di sektor awam.

Menurut Perdana Menteri, pemilihan seseorang calon semasa temu duga serta kesesuaian calon bagi sesuatu jawatan itu dilaksanakan secara telus dan saksama.

Malah, kata beliau, kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan penyertaan rakyat bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam.

“Antara langkah yang diambil ialah menyiarkan iklan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil termasuk akhbar di Sabah dan Sarawak.

“Mereka juga boleh memohon melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (e-SMSM) yang mana melalui sistem ini, calon boleh mengemukakan permohonan pada bila-bila masa sama ada melalui Borang SPA8 atau melalui laman web SPA secara percuma,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **M. Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Kulasegaran meminta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan awam yang diambil pada tahun 2004, 2005 dan 2006 serta langkah yang dibuat untuk mengukuhkan penyertaan rakyat bukan bumiputera dalam sektor awam.

Dalam hubungan ini, Abdullah berkata, guru dan pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina dijemput untuk mendengar taklimat bagi membentuk minat awal di kalangan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menyertai sektor awam.

“Ia termasuk mempromosi dan menyebarkan maklumat secara berkala mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh SPA melalui media cetak atau media elektronik.

“Turut dilakukan ialah penyertaan dalam program hari kerjaya sama ada di institusi peribadi tinggi awam dan swasta serta melalui penjualan borang SPA8 dan permohonan secara online (www.spa.gov.my),” katanya.

Abdullah juga berkata, pada 2004, SPA mengambil sebanyak 16,388 orang untuk berkhidmat di sektor awam manakala pada tahun seterusnya ialah seramai 17,031 orang.



NAJIB Tun Abdul Razak, Mohd. Ali Rustam dan Dr. Jamaludin Jarjis (kiri) melihat paparan animasi pada Majlis Pelancaran Pusat Animasi Melaka di MITC, Melaka, semalam.